

# Wanita hamil korban baru H1N1

## Lapan daripada sembilan mangsa kematian babit kumpulan berisiko tinggi

Oleh Johan Afandi  
dan Suzianah Jiffar  
bhnews@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Seorang wanita hamil dari Johor adalah antara sembilan kematian terbaru akibat Influenza A (H1N1) dilaporkan di seluruh negara, menjadikan angka korban sehingga semalam 27 orang.

Daripada jumlah kematian terbaru itu, lapan daripadanya membabitkan kumpulan berisiko tinggi dan pengesahan kematian dilaporkan lewat berikutan terpaksa melakukan bedah siasat untuk kajian serta pengesahan punca kematian.

Pengarah Kesihatan Johor, Dr Mohd Khairi Yaakub, berkata mangsa terbaru itu adalah kes kematian ketujuh akibat H1N1 di Johor. Wanita itu meninggal dunia di sebuah hospital pakar swasta di Johor Bahru, awal pagi semalam.

Wanita itu disahkan meninggal dunia jam 1.30 pagi semalam, selepas dimasukkan bagi menjalani rawatan di hospital berkenaan sejak Isnin lalu.

"Anak dalam kandungannya meninggal dunia, Khamis lalu, disusuli mangsa yang meninggal dunia akibat pneumonia dan kegagalan pelbagai organ badan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Di **KOTA KINABALU**, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata daripada lapan kematian lain, dua dicatatkan di Sabah dicatatkan, masing-masing wanita berusia 24 tahun dari Ranau yang meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth (QEH), Rabu lalu dan lelaki berusia 74 tahun di hospital sama, sehari selepas itu.

"Mangsa pertama di Sabah adalah seorang wanita obesiti yang dimasukkan ke Hospital Ranau pada 1 Ogos lalu sebelum dipindahkan ke QEH manakala lelaki itu meninggal kerana menghidap penyakit jantung kronik.

"Enam lagi kes kematian dicatatkan di Semenanjung, termasuk seorang pelajar perempuan berusia 20 tahun yang ditemui mati di bilik asramanya, Khamis lalu dan seorang lelaki berusia 48 tahun yang menghidap asma serta lelaki obesiti berusia 37



**SEKUMPULAN** pegawai perubatan Kolej Islam Sains dan Teknologi (KIST) Kampus Ibnu Sina, Bachok membuat saringan H1N1 sebelum membenarkan pelajar memasuki kolej semalam.

tahun yang meninggal dunia di Hospital Sultanah Aminah, Johor.

"Semua lapan kematian itu berlaku antara Isnin hingga Khamis lalu. Tujuh daripada mangsa adalah pesakit berisiko tinggi. Kami hanya memberi laporan kematian mereka selepas ia disahkan akibat

virus H1N1 melalui laporan bedah siasat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan majlis penamaan Hospital Likas kepada Hospital Wanita dan Kanak-kanak, semalam.

Liow berkata, setakat ini 62 orang menerima rawatan di hospital seluruh negara

manakala 13 lagi di Unit Rawatan Rapi (ICU) kerana dijangkiti virus berkenaan.

Mengulas lanjut mengenai kes di Sabah, beliau berkata, setakat ini tujuh pesakit disahkan menghidap H1N1 dan sedang menerima rawatan lanjut, termasuk seorang yang ditempatkan di ICU.